



## KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

### KENYATAAN TENDER

Tender ini terbuka kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputera **TEMPATAN** yang berdaftar dan layak dalam kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

NO. TENDER & TAJUK PROJEK	PENDAFTARAN & KELAYAKAN	TAKLIMAT TENDER & LAWATAN TAPAK (WAJIB)	TEMPOH JUAL DOKUMEN	TEMPAT JUAL & HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
<b>No. Tender :</b> <b>KKLW.T.5/2017</b>  <b>PROJEK MENAIKTARAF LOJI AIR TATAU, BINTULU, SARAWAK</b>	<b>Berdaftar dengan:</b>  i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/ CIBD)  <b>Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)</b> - Gred G6 - Pengkhususan CE20, M19  <b>DAN</b>  ii.a) <b>SPKK</b> - Gred G6 - Kategori CE, ME atau ii.b) <b>UPKJ</b> - Kelas A - Kepala I Sub-kepala 4a, 4b, 4c; dan - Kepala V Sub-kepala 2a  <b>DAN</b>  iii) Sijil Taraf Bumiputera - <b>BPKU atau UPKJ</b>	<b>Taklimat Tender :</b>  <b>27 Mac 2017</b> <b>(Isnin)</b>  <b>Masa pendaftaran:</b> <b>10.00 Pagi – 10.30 Pagi</b>  <b>Tempat taklimat :</b> <b>Loji Perawatan Air Tatau,</b> <b>Jabatan Bekalan Air Luar</b> <b>Bandar Bahagian Bintulu,</b> <b>Km 54, Jalan Bintulu – Sib</b> <b>97200 Bintulu, Sarawak</b>  <b>(Kehadiran ke taklimat</b> <b>tender dan lawatan tapak</b> <b>adalah DIWAJIBKAN)</b>	<b>Tempoh jual :</b>  <b>28 Mac 2017</b> <b>hingga</b> <b>17 April 2017</b>  <b>Waktu:</b> <b>9.00 Pg -</b> <b>12.00t/hari</b> <b>2.30ptg - 4.30 ptg</b> <b>(Isnin - Khamis)</b> <b>9.00 pg –11.00</b> <b>t/hari</b> <b>3.00ptg - 4.30ptg</b> <b>(Jumaat)</b>	<b>Tempat Jualan</b> <b>Dokumen :</b>  Pejabat KKLW Negeri Sarawak. Tingkat Bawah, Wisma Hong, No. 202, Batu 2 ¼ Jalan Rock, 93200 Kuching, SARAWAK  <b>Harga Dokumen :</b> <b>RM 500.00</b>	<b>Tarikh Tutup:</b>  <b>25 April 2017</b> <b>(Selasa)</b>  <b>Waktu :</b>  <b>12.00 Tengah</b> <b>hari</b>

1. Petender hendaklah membawa perakuan/ **sijil ASAL dan juga salinan** semasa proses **taklimat tender, lawatan tapak dan membeli dokumen tender**. Perakuan/ sijil yang berkaitan adalah **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, perakuan pendaftaran kontraktor dari **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ)** dan sijil kontraktor kerja taraf bumiputera dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) atau UPKJ**.
2. Bagi sesi **taklimat tender dan lawatan tapak** yang **DIWAJIBKAN**, hanya **penama yang tercatat di dalam sijil SPKK, UPKJ atau BPKU sahaja yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender dan lawatan tapak**. Kontraktor/ syarikat **tidak boleh mewakilkan** pegawai selain daripada **PENAMA** dalam SPKK, UPKJ atau BPKU.
3. Dokumen Meja Tender boleh disemak di pejabat tempat jualan dokumen dan juga di Bahagian Perolehan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.
4. Dokumen tender boleh diperolehi di tempat jualan dokumen dalam tempoh yang ditetapkan. Bayaran bagi dokumen tender dalam bentuk Kiriman Wang (Money Order) / Bank Draf berharga seperti di atas yang dibuat atas nama **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.
5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan kedalam peti tender tidak lewat dari tarikh tutup yang ditetapkan. Dokumen Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan Kementerian tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.
6. Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tender di alamat:-

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH,  
ARAS 15, No. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62100 PUTRAJAYA  
(U.P: BAHAGIAN PEROLEHAN)**